



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM 2022

## Sejarah (940)



# SEJARAH 940/1

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 22 377 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.21% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	4.12	3.14	3.86	7.49	10.35	13.83	16.42	7.02	3.32	6.70	23.73

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah lemah. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon hanya memberikan jawapan tanpa memberikan contoh dan pembuktian dalam menghuraikan isi dan fakta. Kelemahan ini menunjukkan calon kurang pengetahuan tentang subjek soalan dan hanya memberikan jawapan yang umum.
- Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan dan memberikan fakta yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan.
- Calon yang cemerlang dapat menyediakan jawapan yang lengkap pada bahagian pendahuluan, perbincangan isi jawapan dan kesimpulan jawapan.

### *Komen soalan demi soalan*

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perubahan teknologi, ekonomi, dan budaya dalam masyarakat industri di England dari abad ke-18 sehingga abad ke-19. Jawapan calon yang baik ialah menghuraikan perubahan teknologi, ekonomi, dan budaya masyarakat industri di England dalam tempoh tersebut. Calon perlu menghuraikan perubahan teknologi seperti penggunaan mesin, peralatan, dan penciptaan baru, perubahan sistem pengangkutan serta teknologi pemprosesan sumber bahan mentah. Perubahan ekonomi pula ialah sektor ekonomi pertanian, industri, perlombongan, perdagangan bebas, dan juga pembuatan. Aspek budaya pula ialah budaya urban/bandar, perubahan gaya hidup, masalah pencemaran dan kesihatan, kemunculan kelas baharu masyarakat seperti golongan proletariat, dan kelahiran idea-idea baharu. Calon yang cemerlang berupaya menghuraikan isi dengan baik, tersusun, dan

taakulan yang mendalam tentang ketiga-tiga aspek perubahan dalam soalan dengan memberikan contoh yang relevan. Manakala calon yang lemah memberikan jawapan yang kabur dan hanya menjelaskan tentang Revolusi Industri dan penggunaan mesin secara umum. Terdapat juga calon yang mencampuradukkan fakta antara masyarakat industri England dengan masyarakat industri Jerman.

### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan usaha-usaha Raja Louis XIV bagi mengekalkan kedudukannya sebagai raja berkuasa mutlak di Perancis. Jawapan calon seharusnya memperlihatkan usaha-usaha Raja Louis XIV mengekalkan kedudukannya sebagai raja yang berkuasa mutlak. Usaha Raja Louis XIV dalam aspek politik ialah mengamalkan konsep raja berkuasa mutlak dalam pemerintahan dalam negara. Dalam bidang ekonomi pula, beliau melaksanakan kawalan ekonomi dan mengamalkan konsep merkantilisme. Raja Louis XIV juga berkuasa mutlak dalam pelbagai bidang seperti ketenteraan, diplomatik, dan agama. Calon yang mendapat markah yang baik perlu memberi hujah yang mantap tentang empat usaha yang dilaksanakan oleh Raja Louis XIV dalam mengekalkan kedudukannya sebagai raja yang berkuasa mutlak di Perancis. Calon yang menguasai subjek soalan mampu menjelaskan usaha-usaha dengan jelas dan menunjukkan kefahaman tentang konsep kuasa mutlak. Namun begitu, sebahagian besar calon hanya mengemukakan peranan raja berkuasa mutlak secara kabur dan tidak menjelaskan usaha penting yang telah dilakukan oleh Raja Louis XIV. Terdapat calon yang tersasar daripada fakta sebenar, iaitu, Raja Louis XVI mengamalkan raja berperlembagaan semasa pemerintahan beliau.

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sistem negara persekutuan di Amerika Syarikat pada abad ke-18 dan abad ke-19. Jawapan calon seharusnya merangkumi pembahagian kuasa, perlembagaan, amalan demokrasi, dan menjelaskan tiga struktur kerajaan, iaitu badan legislatif, eksekutif, dan kehakiman. Calon yang baik dapat menghuraikan sistem kerajaan persekutuan dan menunjukkan kefahaman tentang tiga badan penting tersebut serta kaitannya dengan konsep pembahagian kuasa dan sistem demokrasi. Manakala, calon yang lemah hanya mampu menyebut tentang tiga badan dengan ringkas dan umum. Terdapat juga calon yang menghuraikan sistem berparlimen dan bukannya sistem persekutuan.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan perkembangan institusi pendidikan di Jerman dari abad ke-18 hingga abad ke-19. Calon perlu menjelaskan institusi pendidikan rendah hingga peringkat tertinggi termasuk institusi pendidikan teknikal dan peringkat universiti. Huraian bagi setiap institusi ini merangkumi dasar pendidikan, objektif dan kurikulum pendidikan serta tenaga pengajar. Calon yang cemerlang dapat menghuraikan dengan mendalam tentang setiap satu institusi dan jawapan digabung jalinkan antara dasar pendidikan dengan kurikulum. Manakala, calon yang lemah hanya menyebut tentang peringkat pendidikan secara umum dan tidak merangkumi semua peringkat institusi pendidikan yang terdapat di Jerman.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kesan Gerakan 4 Mei yang berlaku di China. Soalan ini merupakan soalan pilihan calon. Jawapan yang sepatutnya ialah kedaulatan negara China dipertahankan, terbentuk semangat kebangsaan, ideologi komunis berkembang, melemahkan kedudukan golongan hulubalang, dan kemunculan gerakan kebudayaan baharu. Calon yang cemerlang dapat menghuraikan fakta beserta taakulan dan contoh yang jelas. Manakala, bagi calon yang lemah hanya menghuraikan faktor dan bukannya kesan Gerakan 4 Mei. Ada juga calon yang keliru dengan mengaitkan Gerakan 4 Mei dengan penentangan Boxer dan Perang Candu.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan penglibatan United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO). Soalan ini memerlukan calon membincangkan penglibatan United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam penubuhan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO). Jawapan calon seharusnya memperlihatkan usaha United Kingdom dalam menubuhkan NATO, membawa Amerika Syarikat terlibat dalam NATO, serta kepentingan bersama dalam NATO. Sebahagian besar calon tidak mengetahui tentang penubuhan NATO tetapi hanya membincangkan peranan dan faktor penubuhan NATO. Terdapat juga calon yang hanya fokus kepada Perang Dingin dan NATO. Calon gagal mengaitkan penglibatan United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam proses penubuhan NATO.

# SEJARAH 940/2

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 21 886 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 59.62% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.74	4.80	4.99	8.65	11.29	10.27	13.88	4.02	7.26	3.65	25.43

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon kurang cermat dalam memahami kehendak soalan dan istilah. Contohnya, soalan 1, kebanyakan calon tidak memahami maksud ketamadunan dalam bidang ekonomi.
- Calon tidak menguasai fakta-fakta asas Sejarah Islam (940/2). Buktinya, jawapan mereka terpesong, terlalu ringkas, dan kabur. Contohnya, soalan 2, kebanyakan calon tidak mampu memberi ulasan mengenai kaedah pemilihan khalifah al-Rasyidin dengan tepat.
- Sebahagian calon tidak menguasai subjek soalan dengan baik. Calon mengolah jawapan secara umum, kurang tepat dan hanya berdasarkan kepada idea sendiri yang bertepatan dengan fakta sejarah.

### *Komen soalan demi soalan*

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan ketamadunan masyarakat Arab jahiliah dalam bidang ekonomi. Calon perlu memahami maksud dan istilah ketamadunan masyarakat Arab jahiliah dalam bidang ekonomi yang bersifat positif dan bukannya kegiatan ekonomi yang bersifat negatif. Namun, jawapan calon cenderung kepada ciri-ciri kehidupan masyarakat jahiliah dalam bidang ekonomi. Bahkan ramai calon menjelaskan kegiatan ekonomi yang bersifat negatif seperti riba, merompak, dan lain-lain. Jawapan calon yang sepatutnya ialah menjelaskan ketamadunan masyarakat Arab jahiliah dalam bidang pertanian, perniagaan dan perdagangan, perusahaan dan pertukangan, penternakan, percukaian serta penggunaan mata wang.

## Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kaedah pemilihan khalifah pada zaman Khalifah al-Rasyidin. Jawapan menghendaki calon menerangkan empat kaedah pemilihan khalifah, iaitu kaedah perundingan secara terbuka dan berhemah semasa pelantikan Khalifah Abu Bakar, kaedah pencalonan terus daripada khalifah terdahulu semasa pelantikan Khalifah Umar al-Khattab, kaedah pemilihan khalifah melalui jawatankuasa khas *ahlu al-Halli wa al-Aqdi* untuk pelantikan Khalifah Uthman al-Affan, dan kaedah pemilihan khalifah secara pengusulan oleh sekumpulan umat Islam semasa pelantikan Khalifah Ali bin Abi Talib. Jawapan yang cemerlang memerlukan calon menerangkan empat kaedah pemilihan berkenaan dan mengaitkan dengan amalan syura dan *bai'ah*. Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini memberikan jawapan yang lemah, kabur, tidak tersusun, dan kurang tepat. Berdasarkan jawapan, calon ini jelas tidak menguasai fakta dengan baik kerana jawapan yang diberikan sangat terbatas, berbentuk umum tanpa mengemukakan kaedah pemilihan khalifah, isu-isu utama yang berlaku sepanjang pemilihan khalifah berkenaan, dan tokoh-tokoh utama yang terlibat. Jawapan calon juga lemah apabila hanya berfokus kepada ulasan tentang amalan syura dan *bai'ah* dalam kaedah pemilihan khalifah secara umum.

## Soalan 3

Soalan ini membincangkan pelaksanaan zakat pada zaman Khalifah Abbasiyah dari abad ke-9 Masihi hingga abad ke-11 Masihi. Calon yang menjawab soalan ini mendapat markah yang sederhana. Kebanyakan huraian isi agak longgar, umum, kurang contoh yang tepat, dan ringkas. Bahkan, ramai calon hanya menjelaskan sumber zakat, iaitu zakat fidyah dan zakat harta sahaja. Ada juga calon lemah hujahnya kerana menjelaskan jenis zakat semata-mata, bukannya pelaksanaan zakat seperti yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan calon juga mengelirukan apabila calon tidak dapat membezakan pelaksanaan zakat dengan peranan baitulmal. Calon juga turut menjelaskan sumber baitulmal dengan panjang lebar seperti *jizyah*, *usyur*, dan *ghanimah* yang tiada kaitan dengan kehendak soalan. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang berjaya mendapat markah yang cemerlang kerana menerangkan isu zakat dan tafsiran zakat pada zaman Khalifah Abbasiyah.

## Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon memperihalkan sumbangan Ibn Majid dalam bidang pelayaran. Jawapan yang cemerlang memerlukan calon mampu menerangkan sumbangan tokoh dari aspek kitab pelayaran yang menjadi panduan pelayar terkenal Portugis, iaitu Vasco da Gama, mengatasi masalah pelayaran seperti kekeliruan nama lautan, legasi ilmu pelayaran, menghasilkan ensiklopedia ilmu pelayaran, menghasilkan peralatan pelayaran seperti kompas dan peta laluan laut antara Eropah dan India serta sumbangan dari aspek teknologi perkapalan. Ramai calon menjawab soalan ini tetapi mendapat markah sederhana kerana mengemukakan fakta dan hujah yang longgar. Majoriti calon tidak mampu mengemukakan nama lengkap kitab-kitab pengembaraan Ibn Majid, bahkan tidak dapat menjelaskan dengan baik ringkasan kandungan utama dalam kitab-kitab tersebut. Ada juga jawapan calon tidak relevan dengan kehendak soalan kerana jawapan calon bercampur aduk antara sumbangan Ibn Majid dengan al-Mas'udi seperti teori determinisme.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan Gerakan Turki Muda dalam mempengaruhi penglibatan kerajaan Uthmaniyyah semasa Perang Dunia Pertama. Soalan ini menghendaki calon menerangkan usaha dan penglibatan Gerakan Turki Muda dalam mengheret kerajaan Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama. Antaranya mempertahankan kedaulatan empayar Uthmaniyyah, mengadakan perjanjian sulit dengan tentera Jerman, melaksanakan strategi Pan Islamisme, menyelamatkan kerajaan Uthmaniyyah dari gerakan Kristianisasi, menghidupkan Gagasan Pan Turkisme, dan menamatkan pemuluan diplomatik terhadap kerajaan Uthmaniyyah. Jawapan cemerlang bukan sahaja berdasarkan fakta, huraian, dan contoh yang memadai, bahkan juga calon perlu mempunyai pengetahuan tentang latar belakang golongan Turki Muda dan Gerakan Turki Muda serta matlamat perjuangan mereka. Jawapan yang cemerlang juga memerlukan calon mengaitkan isu-isu besar yang berlaku dalam empayar Uthmaniyyah dan rantau Eropah, seperti gelombang sekularisasi, ideologi Pan-Slavia, Perang Balkan, dan ancaman kuasa Barat terhadap wilayah-wilayah Uthmaniyyah. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang mengemukakan fakta yang tiada kaitan seperti faktor penglibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan gerakan bukan tentera rakyat Mesir terhadap pihak British dari abad ke-19 Masihi hingga abad ke-20 Masihi. Jawapan yang cemerlang memerlukan calon mengemukakan fakta berkaitan dengan Gerakan Rosetta 1807, gerakan Umar Makram, gerakan Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, dan Rashid Rida, gerakan penentangan golongan awam, gerakan Mustafa Kamil dan Muhammad Farid, dan gerakan Saad Zaghlul. Sebahagian calon menjawab soalan ini dan mendapat markah sederhana kerana jawapan calon kurang mendalam, kurang tepat, kabur, dan ringkas. Kebanyakan calon tidak menguasai fakta dan pengetahuan yang diperlukan.

# SEJARAH 940/3

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 21 648 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 57.15% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.42	3.23	1.89	4.30	8.61	13.64	12.06	4.19	8.01	3.52	27.15

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon gagal menjawab dengan baik apabila gagal menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- Calon tidak menyatakan fakta dengan jelas dan tepat seperti pada soalan 2. Calon tiada pengetahuan tentang tokoh yang berperanan dalam penguasaan British terhadap Sabah dan Sarawak.
- Calon menulis jawapan dengan tulisan yang sukar dibaca oleh pemeriksa serta tidak menyusun jawapan dengan teratur.

### *Komen soalan demi soalan*

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan peranan institusi beraja di Tanah Melayu sebelum campur tangan British. Jawapan calon sepatutnya membincangkan peranan raja dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial. Antaranya ialah raja sebagai pemerintah tertinggi dalam melantik bakal pengganti, penggubal undang-undang, ketua hakim, melantik pembesar, dan ketua angkatan tentera. Dalam aspek ekonomi, raja menguasai sumber ekonomi, pungutan cukai, perdagangan, pertanian, dan sistem kerah. Aspek sosial pula, Raja berperanan sebagai lambang perpaduan, ketua agama dan adat istiadat. Ada sebilangan calon tiada berpengetahuan tentang fakta soalan. Jawapan yang dikemukakan bersifat umum dan tanpa contoh yang jelas bagi menguatkan hujahan yang dikemukakan. Beberapa calon hanya membincangkan satu aspek sahaja seperti membincangkan aspek politik. Terdapat juga calon yang keliru tentang sebelum kehadiran barat dan selepas kehadiran barat.



## Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor peluasan kuasa asing di Sabah dan Sarawak pada abad ke-19. Jawapan calon sepatutnya menghuraikan kekayaan sumber ekonomi, pemberontakan, dan ancaman lanun yang mendorong peluasan pihak asing ke atas Sarawak dan Sabah. Calon jug seharusnya menjelaskan tokoh-tokoh asing yang berperanan dalam meluaskan kekuasaannya terhadap Sarawak dan Sabah seperti Rentap dan Mat Salleh. Namun begitu, terdapat calon yang mengaitkan faktor bijih timah dan getah seperti yang berlaku di Tanah Melayu sebagai faktor peluasan kuasa asing di Sabah dan Sarawak. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan cemerlang dan boleh dikatakan kebanyakan calon hanya mendapat markah isi yang minima.

## Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara menerusi Dasar Perindustrian Negara. Soalan ini menghendaki calon membincangkan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara menerusi Dasar Perindustrian Negara. Usaha yang dilakukan oleh kerajaan adalah merangka Pelan Strategik Perindustrian Negara, Kajian Dasar Perindustrian Negara, dan Pelan Induk Perindustrian. Usaha kerajaan dalam Pelan Induk Perindustrian pula ialah melaksanakan pengeksporan keluaran kilang secara besar-besaran, insentif kerajaan kepada sektor industri, meningkatkan prasarana, dan menyusun semula industri kecil, dan sederhana. Namun, calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Jawapan calon adalah umum dan tidak menyentuh Pelan Strategik Perindustrian Negara, Kajian Dasar Perindustrian Negara dan Pelan Induk Perindustrian. Calon mengemukakan jawapan berkaitan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian Negara, Sumbangan Tun Mahathir Mohamed dan ada juga yang menghuraikan perkembangan revolusi industri di Barat sebagai jawapan. Terdapat calon yang tersasar dari jawapan sebenar kerana membincangkan dasar luar Malaysia.

## Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon memerihalkan peranan pembesar di Thailand pada abad ke-19. Soalan ini meminta calon membincangkan peranan pembesar di Thailand. Peranan pembesar di Thailand merangkumi pembesar di pusat dan pembesar di wilayah. Di peringkat pusat, *Mantri Prasad* menjadi penasihat raja, *krom Mahattai* mengawal wilayah utara Thailand, *krom Muang* memastikan keselamatan ibu kota, *krom khlung* bertanggungjawab menjaga perbendaharaan dan pengutipan cukai, *krom Na* bertanggungjawab dalam hal ehwal pertanian, *krom Wang* bertanggungjawab menjaga kebajikan keluarga raja dan proses undang-undang. Pentadbiran wilayah pula diketuai oleh *Khunnang* dan berperanan di peringkat pusat. Bagi calon yang cemerlang, mereka berjaya mengemukakan peranan pembesar di Thailand daripada aspek politik, ekonomi, dan sosial dengan mengemukakan contoh-contoh pembesar pusat dan pembesar di wilayah. Calon juga mengemukakan jawatan-jawatan pembesar di peringkat pusat seperti *Mantri Prasad* menjadi penasihat raja, *krom Mahattai* mengawal wilayah utara Thailand, *krom Muang* memastikan keselamatan ibu kota, *krom khlung* bertanggungjawab menjaga perbendaharaan dan pengutipan cukai, *krom Na* bertanggungjawab dalam hal ehwal pertanian, *krom Wang* bertanggungjawab menjaga kebajikan keluarga raja dan proses undang-undang. Pentadbiran wilayah pula diketuai oleh *Khunnang* dan mengikut peranan peringkat pusat.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menerangkan matlamat penubuhan Young Men Buddhist Association (YMBA) di Myanmar. Soalan ini meminta calon menerangkan matlamat penubuhan Young Men Buddhist Association (YMBA) di Myanmar. Matlamatnya ialah memperjuangkan kesejahteraan sosio ekonomi dan kelestarian budaya. Antara yang diperjuangkan ialah menjaga kebajikan agama Buddha, menyediakan pendidikan di Myanmar, peluang pekerjaan, menghapuskan sikap negatif masyarakat Myanmar, menubuhkan universiti berteraskan agama Buddha di Ranggon. YMBA juga memupuk dan mengembangkan semangat nasionalisme dalam isu kasut, membantah Laporan Montagu-Chelmsford, dan membentuk Majlis Am Persatuan Myanmar bagi mendesak British membentuk pemerintahan diarki di Myanmar. Kelemahan yang paling ketara pada jawapan calon adalah fakta yang dinyatakan dan diuraikan kerap berulang. Misalnya, memperjuangkan agama Buddha dan isu kasut. Hal ini menyebabkan jawapan calon agak umum dan hambar.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan dasar ekonomi Filipina selepas kemerdekaan pada tahun 1946. Bagi menjawab soalan ini, calon perlulah menjelaskan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh pemimpin Filipina dalam memajukan ekonomi selepas mencapai kemerdekaan. Calon yang dapat menjawab dengan cemerlang perlu menjelaskan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh Presiden Filipina selepas kemerdekaan iaitu Presiden Manuel Roxas, Presiden Ramon Magsaysay, dan Presiden Macapagal. Namun terdapat juga kelemahan calon pada soalan ini. Kelemahan yang paling ketara ialah calon tidak menjelaskan dasar ekonomi pada zaman selepas Filipina mencapai kemerdekaan. Sebaliknya calon mengemukakan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh Filipina selepas mencapai kemerdekaan. Antaranya adalah kegiatan pertanian, perikanan, dan perdagangan. Oleh itu jawapan calon adalah lemah dan tidak menepati kehendak soalan.